



PUTRAJAYA LAKE & WETLAND EXPLORACE 2022

PUTRAJAYA, 17 Disember 2022 – Perbadanan Putrajaya (PPj) anjur Putrajaya Lake and Wetland Explorace (PLW Explorace) 2022 bertempat di Padang Semarak, Taman Wetland Putrajaya Presint 13.

Pelepasan peserta dan penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), YBhg Dato TPr. Fadlun bin Mak Ujud dan turut dihadiri oleh Naib Presiden Perancang Bandar PPj, En Shamsul Bahrin Rahmat, Pengarah Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, Ir Hj. Azmi Ibrahim dan Setiausaha Agung Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia, YBrs. Hj. Jasri Kasim.

Program pada kali ini merupakan edisi ke-8 dianjurkan oleh PPj dengan kerjasama UNESCO-IHP Malaysia di bawah Jawatankuasa Pendidikan, Latihan dan Penerangan Awam. Ia bertujuan memberi pengetahuan serta kefahaman yang lebih mendalam kepada orang awam khususnya generasi muda berhubung Tasik dan Wetland Putrajaya. Di samping itu, dapat melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani serta mewujudkan 'sense of belonging' dalam kalangan peserta bersama -sama dengan PPj dalam menguruskan Tasik dan Wetland Putrajaya.

PLW Explore Race pada kali berjaya menghimpunkan lebih 230 peserta dan sebanyak dua kategori dipertandingkan iaitu kategori terbuka dan kategori IPT. Bagi kategori terbuka peserta adalah terdiri daripada kakitangan kerajaan pelbagai kementerian dan agensi termasuklah Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kewangan, Lembaga Hasil Dalam Negeri, JPS dan NADMA. Turut sama bersaing merebut gelaran Lake Warrior 2022 adalah dari Maxis, Sapura Energy Berhad, KH Low and Raymond, Intel Technology Sdn Bhd, Putrajaya Holdings dan Indah Water Konstorium dengan julat umur antara 18 hingga 51 tahun. Bagi kategori IPT, persaingan akan melibatkan pelajar Institusi Pengajian Tinggi dari UiTM Seremban 3, UTM, UKM, UPSI, UniKL, UniTEM, UPM, UNITEN, Politeknik Sultan Idris dan Kolej Komuniti Ledang.

Peserta akan melalui perjalanan sejauh 12 km, meliputi kawasan seluas 150 ha dan perlu melaksanakan 14 tugas bagi melengkapkan cabaran termasuklah aktiviti "lake crossing" di Central Wetland, dan cabaran 'fear factor' seawal jam 8.00 pagi

hingga 5.00 petang. Rekabentuk tugasan yang disediakan turut memberi peluang kepada peserta untuk lebih mengenali spesies burung, ikan, tumbuhan, serangga, meneliti kualiti air dan sebagainya.

Bagi setiap kategori, pemenang tempat pertama akan dianugerahkan gelaran Lake Warrior 2022 dan membawa pulang hadiah wang tunai RM3000.00 beserta sijil dan medal. Tempat kedua mendapat hadiah wang tunai RM2000.00, sijil dan medal. Manakala Tempat ke 3 pula akan menerima hadiah RM1000.00, sijil dan medal. Turut juga disediakan hadiah bagi pasangan Lelaki, Wanita dan Campuran Terbaik. Kesemua pemenang turut menerima hadiah iringan dari penajaan Decathlon. Peserta yang bertuah akan menerima hadiah cabutan bertuah berbentuk barangan dan wang tunai yang keseluruhannya berjumlah melebihi RM5000.00.



(TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)
Pegarah
Bahagian Komunikasi Korporat
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya
Tarikh: 16 Disember 2022

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut mengenai Putrajaya Lake and Wetland Explorace (PLW Explorace) 2022, sila hubungi Pegawai Media, En. Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887 7347 atau 019-3354346.